

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.
BILANGAN 1/1973.**

Membekal Pelan Bagi Akaun Sementara Bekerja Galian (Mining Certificate)

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada amalan sekarang berkenaan perkara tersebut di atas. Seperti termaklum mengikut aturan yang sedia ada, tuan adalah dikehendaki membekalkan kepada saya 10 (sepuluh) salinan pelan tersebut untuk membolehkan saya mengeluarkan Akuan Sementara Bekerja Galian (Mining Certificate) kepada pelanggan tuan. Sebelum sesuatu pelan itu dapat saya menerimanya, saya terpaksa mengedarkan kepada Pengarah Ukur Negeri Terengganu untuk disahkan.

2. Dengan tujuan hendak melincinkan serta mempercepatkan lagi kerja ini, mulai daripada tarikh surat ini, tuan tidak lagi perlu menghantarkan pelan-pelan tersebut kepada saya. Sebaliknya tuan dikehendaki menghantarkannya berserta dengan segala rekod-rekod ukuran tuan seperti buku kerja luar dan lain-lain terus kepada Pengarah Ukur Negeri Terengganu untuk membolehkan beliau menyemak serta mengesahkannya dan selepas itu mengedarkannya kepada Pejabat ini supaya Akuan Sementara Bekerja Galian (Mining Certificate) dapat disediakan dan didaftarkan oleh Pejabat ini.
3. Perhatian tuan adalah ditarik kepada Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 2/1971 yang ada bersangkutan dengan urusan ini.
4. Dengan kerjasam penuh tuan-tuan, maka adalah diharap kita akan dapat memperlincinkan dan mempercepatkan lagi perjalanan kerja dalam urusan ini.

Saya yang menurut perlatah,

t.t.
(OSMAN BIN MHD NOOR)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

Bil. (2) dlm. P.T.&G.TR. (Galian) 20/73

Kepada:

Semua Juru Ukur Berlesen,

.....

.....

s.k.
Pengarah Ukur Terengganu
Kuala Terengganu.

Yang Berhormat,
Setiausaha Kerajaan, Terengganu.

Semua Pemungut Hasil Tanah, Terengganu.

.....

Kuala Terengganu, 22hb. November, 1973.